

# Terus kukuhkan parti

UM - 3 NOV 1993  
Oleh ROZAMAN ISMAIL

**K**UALA LUMPUR 2 NOV. — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan beliau tetap berkecuali dalam pemilihan pucuk pimpinan parti.

Katanya, beliau tidak memihak kepada mana-mana pasukan dan menerima sesiapa sahaja sama ada yang kalah atau menang.

“Saya ingin tegaskan saya *neutral*...saya tak ada pasukan dan semua orang adalah *team* saya,” katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan Ketua-ketua Bahagian UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO akan memilih barisan pemimpinnya dalam persidangan esok, disusuli pemilihan pucuk pimpinan parti pada hari pertama Perhi-

mpunan Agung UMNO Khamis ini. Perhimpunan tiga hari itu berakhir pada 6 November.


Dr. Mahathir berkata, dalam perjumpaan itu beliau telah menasihatkan seluruh calon dan ahli UMNO supaya memastikan UMNO terus kukuh dan kekal memerintah negara.

## Jangan kecewa

Selain itu katanya, calon-calon yang kalah dalam pertandingan hendaklah meneruskan khidmat kepada parti.

“Sebagai calon yang tidak bertanding, saya nasihatkan semua ahli supaya jangan kecewa kalau tak dipilih sebagai calon atau ketua bahagian, tetapi teruskan khidmat sebagai ahli yang aktif dalam parti,” katanya.

Mengenai perjalanan kempen, Dr. Mahathir berkata, kempen menjelang Perhimpunan Agung kali ini agak aktif sedikit.



Bagaimanapun katanya, beliau ada mendengar beberapa perkara yang tidak diingini masih berlaku dalam kempen walaupun masih tidak dapat disahkan kebenarannya.

“Saya tak boleh terangkan.. kerana saya dapat laporan yang tak sah, tetapi ada orang kata berlaku penggunaan wang, perwakilan kena culik dan disimpan di tempat tertentu,” ujarnya.

Bagaimanapun katanya lagi, kempen pemilihan pada tahun 1987 lebih hebat dibandingkan dengan tahun ini.

Mengenai status Encik Ghafar Baba, Presiden UMNO berkata, Ghafar masih kekal sebagai ahli UMNO biasa dan Pengerusi Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan.

Ditanya sama ada beliau ada membincangkan mengenai kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir berkata, beliau belum membincangkan perkara tersebut.

“Mengikut nasihat Peguam Negara, perletakan jawatan Ghafar berkuatkuasa pada masa dia menghantar surat perletakan jawatannya itu,” tambahnya.

Dr. Mahathir juga menjelaskan, buat masa ini kerajaan tidak ada rancangan untuk menawarkan apa-apa jawatan kepada Ghafar.

Ditanya adakah beliau menerima perletakan jawatan itu, Dr. Mahathir berkata: “Nampaknya begitulah.”

Kepada satu soalan lain Perdana Menteri berkata, beliau tidak mempunyai had masa mengumumkan Timbalan Perdana Menteri yang baru bagi menggantikan Ghafar.

“Pada masa Tun Hussein menjadi Perdana Menteri, beliau mengambil masa antara tiga hingga empat bulan untuk mengumumkan timbalannya.

“Saya boleh ambil masa setahun atau dua tahun,” katanya berseloroh.

## Rombakan kabinet

Kepada satu soalan, Dr. Mahathir berkata, beliau belum memikirkan untuk membuat rombakan kabinet khususnya berhubung perlantikan jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Katanya, perlantikan anggota kabinet tidak ada kena mengena dengan pemilihan dalam UMNO kali ini sebaliknya menjadi kuasa mutlak beliau sebagai Perdana Menteri.

Dr. Mahathir secara bergurau berkata: “Inilah istimewanya bila jadi Perdana Menteri.. saya boleh buat perlantikan (anggota kabinet) bila-bila masa yang saya perlukan.”

Beliau juga menasihatkan ahli-ahli UMNO agar tidak membuat pelbagai tafsiran mengenai nasihatnya itu.

“Ingin saya tegaskan segala nasihat yang saya berikan walaupun mungkin disalahtafsirkan menyokong mana-mana calon adalah ikhlas bagi kepentingan parti dan negara,” kata beliau.

Ditanya adakah kemenangan tanpa bertanding Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO akan memudahkan beliau membuat pilihan, Dr. Mahathir berkata: “Mungkin ia lebih memudahkan.”